

Anwar sangkal anjur rumah terbuka membazir

Sungai Buloh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyangkal dakwaan bahawa penganjuran majlis Rumah Terbuka Malaysia MADANI di enam negeri yang bakal menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) tahun ini sebagai pembaziran atau menunggang agama.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, keseluruhan kos penganjuran majlis berkenaan digunakan bagi menyantuni rakyat, selain amalan sama turut dibuat mana-mana parti yang menerajui Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri.

Beliau yang juga Menteri Kewangan antara lain menyifatkan dakwaan demikian sebagai pandangan peribadi mana-mana pihak yang mungkin kurang bersejua dengan penganjuran majlis berkenaan.

“Kerajaan di mana-mana pun akan buat (majlis rumah terbuka Aidilfitri), bukan membazir kerana kita beri makan kepada rakyat. Bagi saya ia tidak membazir.

“Kalau buat atas kapasiti peribadi, termasuk keluarga... ia wajarlah guna wang dari poket sendiri tetapi ini (anjuran) kerajaan untuk rakyat dan (perbelanjaan) jauh lebih murah (jika) buat di Alor Setar, Kedah berbanding di Putrajaya,” katanya.

Beliau mengulas saranan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim supaya kerajaan menggunakan dana parti atau peribadi Anwar bagi penganjuran majlis itu serta dakwaan Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan menyifatkan rumah terbuka Aidilfitri itu seolah-olah menunggang agama.